

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN :

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan graduan pendidikan sejak 2008 hingga sekarang serta bilangan pengambilan dan penempatan guru baharu bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan graduan daripada Institut Pendidikan Guru (IPG) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Perguruan dari tahun 2012 hingga 2015 adalah seramai 15,023 orang graduan.

Manakala berdasarkan statistik pendidikan tinggi, bagi tempoh empat (4) tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2015, terdapat seramai 43,551 orang graduan atau 10 peratus merupakan graduan dalam bidang pendidikan daripada 494,246 orang graduan keseluruhan di Universiti Awam bagi tempoh tersebut. Jumlah graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

(IPTS) dalam bidang pendidikan pula sejak tahun 2012 hingga 2014 adalah sebanyak 16, 277 orang graduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2012 hingga 2016, jumlah keseluruhan pengambilan dan penempatan guru baharu ke sekolah-sekolah di bawah KPM seluruh negara adalah seramai 52,473 orang guru.